

PEKELILING PEPERIKSAAN 8/2020 (12 FEBRUARI 2020)
RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
PEPERIKSAAN SEMESTER PERTAMA,
SIDANG AKADEMIK 2019/2020



PEKELILING PEPERIKSAAN 8/2020

RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

PEPERIKSAAN SEMESTER PERTAMA,
SIDANG AKADEMIK 2019/2020

- Pelajar Program Pengajian Ijazah Tinggi
- Pelajar Program Pengajian Ijazah Pertama (*Penuh Masa Program Pesisir & Program Usaha Sama Akademik*)
- Pelajar Diploma Kejururawatan
- Pelajar Diploma Lanjutan Kejururawatan Renal

Peraturan yang perlu dipatuhi bagi rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah seperti berikut :-

1. Tempoh permohonan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan bagi Peperiksaan Semester Pertama, Sidang Akademik 2019/2020 adalah seperti berikut :-

20 FEBRUARI 2020 hingga 19 MAC 2020

RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN YANG DITERIMA SELEPAS TEMPOH DI ATAS TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI.

2. Peraturan penyemakan semula keputusan peperiksaan bukan bermaksud penilaian semula skrip jawapan. **Penyemakan semula akan melibatkan hanya pengesahan sama ada setiap jawapan di dalam skrip jawapan telah diberikan markah dan pengiraan markah adalah betul.**

3. Permohonan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah dengan mengisi "**BORANG PERMOHONAN RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN**" (versi Bahasa Malaysia) yang boleh dimuat turun dari laman sesawang bpa.usm.my **ATAU** diperolehi di **kaunter perkhidmatan Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar, Aras 5, Bangunan Canselori, USM, Pulau Pinang (Kampus Induk)**.
4. Borang permohonan yang telah dilengkapi hendaklah dilampirkan bersama dokumen berikut :-
 - (a) **Salinan penyata pembayaran ePayment**
Pembayaran sebanyak RM25.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Sahaja) bagi setiap kertas peperiksaan yang disemak semula boleh dibuat melalui laman sesawang <https://epayment.usm.my>.
 - ATAU**
 - (b) **Salinan resit rasmi pembayaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari USM**

Borang permohonan dan salinan resit pembayaran hendaklah dihantar kepada:-

- (a) **PELAJAR KAMPUS INDUK, PROGRAM PESISIR, PROGRAM PENGAJIAN JARAK JAUH, PROGRAM USAHA SAMA AKADEMIK DAN PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH**
 - Ketua Penolong Pendaftar, Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar, Aras 5, Bangunan Canselori, 11800 USM, Pulau Pinang.
- (b) **PELAJAR KAMPUS KEJURUTERAAN**
 - Ketua Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang.
- (c) **PELAJAR KAMPUS KESIHATAN**
 - Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, KELANTAN

PEMBAYARAN MELALUI CEK TIDAK DITERIMA

PEKELILING PEPERIKSAAN 8/2020 (12 FEBRUARI 2020)
RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
PEPERIKSAAN SEMESTER PERTAMA,
SIDANG AKADEMIK 2019/2020

- Unit Peperiksaan dan Pengijazahan (Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar) akan memaklumkan keputusan permohonan penyemakan sebaik sahaja pengesahan diterima daripada pusat pengajian yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '



(NOROSLINDA BINTI HUSSAIN)
Ketua Penolong Pendaftar
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan
Bahagian Pengurusan Akademik

No. Rujukan : USM.(O) 25/1/xiii/c Jld.34

Tarikh Keluar : 12 Februari 2020

Tarikh Luput : 22 Mac 2020

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar,
Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselori, 11800 USM, PULAU PINANG.

No. Telefon : 04 653 3479

No. Faksimili : 04 657 3409

E-Mel : nrlinda@usm.my

Web : bpa.usm.my & pendaftar.usm.my